

Penderaan Kanak-Kanak di Taska: Cabaran Pekerja Sosial

Child Abuse at Child Nursery: The Challenges of Social Workers

Nanthini Ramalingam

¹Khadijah Alavi

Pusat Kajian Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat (PsiTra)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

¹Correspondence:khadijah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Penderaan kanak-kanak oleh pengasuh taska semakin meningkat dimana sebanyak 581 kes dilaporkan antara tahun 2015 hingga 2017. Sebaliknya, jumlah kes penderaan kanak-kanak umum berlaku dalam masyarakat bagi tempoh yang sama ialah sebanyak 22,136 kes (JKM 2018). Peningkatan kes penderaan kanak-kanak sehingga kematian kanak-kanak amat membimbangkan keluarga dan masyarakat. Kertas kerja ini akan membahaskan tentang cabaran pekerja sosial dalam melindungi penderaan kanak-kanak di taska. Kajian lepas amat kurang mengkaji isu penderaan kanak-kanak di taska. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif berpandukan kajian kes. Teknik pengumpulan data kajian melalui temubual berstruktur secara bertulis. 10 orang informan telah dipilih bagi kajian ini dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan (purposive sampling). Lokasi kajian yang dipilih ialah taska sekitar Bandar Baru Bangi. Data temubual berstruktur dianalisis secara tematik dan hasil kajian mendapati terdapat tiga cabaran utama iaitu pertama memulihkan ibu bapa yang menghadapi trauma kematian anak akibat penderaan tersebut. Kedua reaksi emosional kanak-kanak yang mengalami penderaan seperti terkejut, percaya tidak percaya pengalaman penderaan yang dilalui dan pelbagai komplikasi kesihatan mental dan fizikal. Ketiga, pekerja sosial juga menghadapi burn-out dalam mengharungi kes penderaan kanak-kanak. Implikasi kajian ini mencadangkan program kaunseling individu dan kelompok kepada pekerja sosial dan kaedah mengendalikan konflik semasa intervensi tersebut.

Kata kunci: *cabaran, penderaan kanak-kanak, pekerja sosial, intervensi, pengurusan konflik*

ABSTRACT

Child abuse by caretaker increases as many as 581 cases are reported between 2015 to 2017. On the other hand, the number of cases of general child abuse cases occurring in the same period was 22,136 cases (JKM 2018). The increase in child abuse until the death of children is a concern for families and communities. This paper work will debate the challenges of social workers in protecting child abuse at child nursery. Previous studies are less likely to examine the issue of child abuse in nurseries. This study was conducted using a qualitative approach based on case study. Techniques of collecting research data through structured interviews in writing. 10 informants were chosen for this study using purposive sampling technique. The location of the

study was selected as a child nursery around Bandar Baru Bangi. Structured interview data was analyzed in a thematic manner and the findings found that there were three major challenges, namely firstly restoring parents who faced the trauma of child mortality from the abuse. The two emotional reactions of children suffering from abusive abuse, believe in not believing the experience of torture and various mental and physical health complications. Third, social workers also face burn-out in overcoming child abuse cases. The implication of this study suggests individual and group counseling programs to social workers and methods of handling conflict during the intervention.

Keywords: *challenges, child abuse, social worker, intervention, conflict management*

1. Pengenalan

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan kepada JKM bagi tempoh 2012 hingga 2017 adalah sebanyak 22,136 kes. Sebanyak 581 kes penderaan kanak-kanak yang dilakukan oleh pengasuh, dilaporkan dari tahun 2015 hingga Jun tahun ini. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata mengikut statistik Jabatan kebajikan Masyarakat (JKM) itu, sebanyak 146 kes berkenaan bermula awal tahun ini sehingga Jun. Sebanyak 32 Taska dikenakan arahan bertulis, 14 Taska dikenakan tindakan kompaun, 4 Taska dikenakan tindakan tutup sementara, 52 Taska dibatalkan pendaftaran dan 2 Taska lagi telah didakwa pada tempoh tersebut. Beliau berkata kementerianya memandang serius kes penderaan kanak-kanak dan pengabaian berlaku di pelbagai tempat termasuk di Taska. kes penderaan yang berlaku di Ayer Keroh, Melaka pada 11 Ogos 2018. Melibatkan dua orang guru kasari kanak-kanak yang menampar kanak-kanak sampai jatuh dari kerusi dan video tersebut disebar melalui whatsapp. Kini penderaan masih berlaku di Taska yang melibatkan seorang bayi lelaki meninggal dunia selepas diambil dari Taska. Kes tersebut berlaku di Taska Bandar Seri Botani, Ipoh pada 9 Mac 2019.

Faktor utama terjadinya kes penderaan kanak-kanak ini adalah disebabkan perbalahan ibu bapa. Rekod daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan 3,318 kes penderaan kanak-kanak dari tahun 2012 hingga 2016 telah dilaporkan berlaku dalam keluarga yang sedang mengalami krisis rumahtangga. Kelemahan komunikasi antara ibu dan bapa atau ibu bapa dengan anak-anak adalah antara sebab perbalahan ini berlaku seterusnya menyebabkan kanak-kanak menjadi mangsa melepaskan perasaan marah (Anon 2017; Noor Zulaikha). Di samping itu faktor pengabaian, masalah kewangan serta tekanan di tempat kerja turut menyumbang kepada terjadinya penderaan. Sebanyak 2,419 jumlah kes penderaan yang telah direkodkan dari tahun 2012-2016 adalah disebabkan pengabaian dan kecuaiannya ibu bapa (Anon 2017; Noor Zulaikha). Faktor seterusnya ialah pengetahuan agama yang lemah serta tekanan yang dihadapi oleh ibu bapa dalam kehidupan harian turut menyumbang kepada faktor penderaan kanak-kanak (Noremy et al. 2012, Noor Zulaikha). Kesan kepada kedua-dua sebab ini saling berhubungkait antara satu sama lain. Tekanan yang dialami jika tidak diurus dengan baik dan tidak disertai dengan penghayatan keimanan akan menyebabkan tindakan luar kawalan. Apabila ini berlaku, ia akan menyebabkan anak-anak menjadi mangsa penderaan. Begitu juga pengalaman trauma ibu atau bapa yang pernah mengalami penderaan semasa mereka kecil boleh menyebabkan golongan ini mengulangi semula perbuatan ibu bapa mereka kepada anak-anak (Noremy et al., 2012).

2. Tinjauan Literatur

Cabaran yang dihadapi oleh pekerja sosial untuk menyelesaikan kes mengenai penderaan kanak-kanak di Taska. Kebanyakan pekerja sosial kanak-kanak tidak bersedia untuk menangani masalah-masalah kompleks penderaan kanak-kanak dan pengabaian (Johansen, 2002). Hal yang sama juga berlaku di dalam mana-mana organisasi. Pekerja sosial tidak kira pelindung atau pegawai akhlak perlu mempunyai tahap persediaan yang lengkap dan mempunyai kemahiran dalam ilmu perundangan dalam pengendalian kes berkaitan kanak-kanak. Cabaran besar menanti di alam pekerjaan ialah pengetahuan dan kemahiran dalam perundangan, kemampuan bekerja dalam satu pasukan dan berkolaborasi dengan agensi lain. Inilah persekitaran kerja bagi pekerja sosial yang berkhidmat di dalam perkhidmatan kanak-kanak. Cabaran seterusnya yang dihadapi oleh pekerja sosial kebajikan kanak-kanak ialah konflik profesion dengan keselamatan diri (Salina & Jill, 2011). Dalam kajian mereka juga telah mengenal pasti salah satu kerisauan pekerja sosial kanak-kanak ialah keselamatan diri semasa bekerja di lapangan. Dalam kajian mereka, pekerja sosial merasakan keselamatan mereka terancam dan berisiko berbanding dengan rakan mereka iaitu polis yang mempunyai senjata. Perkara ini adalah realiti yang dihadapi pekerja sosial yang berhadapan dengan keluarga agresif akan berhadapan berisiko diserang dan sebagainya. Keadaan ini akan menjejaskan proses mendapatkan maklumat dan menyebabkan laporan yang disediakan tidak dapat disediakan secara holistik.

Kajian lepas mengenai cabaran telah dikenal pasti dalam penyelidikan praktis kerja sosial dalam pengurusan kes kanak-kanak ialah kekurangan kajian khusus bidang ini di mana kebanyakan kajian menumpukan kepada mangsa dan perundangan kanak-kanak (Aziz & Iskandar, 2013; Tengku Muda & Engku Alvi, 2011; Ahmad & Nasir, 2010; Lukman, 2006), berbanding pekerja sosial yang mengendalikan kes kanak-kanak. Kedua ialah kompetensi praktis pekerja sosial kanak-kanak tidak jelas. Pada suatu ketika tahap profesionalisme pekerja sosial dipersoalkan oleh klien (Salina & Jill, 2011). Seterusnya ialah isu 'burnout' dalam kalangan pekerja sosial kanak-kanak di JKM yang belum dikaji secara empirikal. Begitu juga dengan isu pentadbiran dan pengurusan kes yang dikaitkan tentang hubungan terapeutik pekerja sosial dengan kanak-kanak. Cabaran pekerja sosial ialah memastikan keseimbangan tumpuan aspek pengurusan berbanding berfokus klien (Client Centred) (Aronson & Smith, 2011). Dalam praktis perkhidmatan kanak-kanak, pekerja sosial kanak-kanak perlu memahami dan mengetahui tentang sistem pengurusan kes (Garrison, 2003). Summers (2012) mendefinisikan pengurusan kes sebagai satu proses penialaian terhadap keseluruhan situasi klien dan menyelesaikan masalah serta keperluan berdasarkan penialaian. Manakala, Woodside dan McClam (2006) menggariskan proses pengurusan kes kepada 3 elemen penting iaitu proses pengurusan kes (peringkat pentaksiran, perancangan dan pelaksanaan) rol dan model.

Cadangan program bagi mengurangkan kes penderaan kanak-kanak di Taska. Ahli-ahli psikologi seperti Bloom (1964) & Spodek (1982) berpendapat bahawa perkembangan awal amat penting pada peringkat prasekolah kerana peringkat ini merupakan landasan dan akar umbi kepada peringkat susulan. Justeru itu, sewajarnya ibu bapa perlu peka dalam pemilihan sesebuah pusat asuhan. Hal ini kerana, institusi yang mampu menyediakan perkhidmatan dan keperluan sosial yang baik dapat mewujudkan keseimbangan pembentukan sahsiah serta keperibadian diri kanak-kanak tersebut. Jabatan kebajikan Malaysia telah mengadakan beberapa program bagi mencegah berlakunya penderaan kanak-kanak. Menurut Roziah (2006), sistem pencegahan pada masa kini, lebih berbentuk hukuman penjara dan penalti kepada pelaku penderaan. Program

kaunseling dan psikoterapi ke atas pelaku penderaan yang menjalani hukuman penjara juga adalah sangat penting. Program-program seperti kelas motivasi, seminar, forum, dan Pendidikan keibubapaan juga perlu diberi kepada pelaku penderaan kanak-kanak. Program sebegini dapat mengurangkan insiden penderaan kanak-kanak dan menghindarkan pelaku serta mangsa dari peralihan sikap mendera.

Jurang kajian menunjukkan perbezaan yang berlaku dalam isu yang sama. Iaitu, dulu penderaan kanak-kanak berlaku di rumah dan pelakunya ialah ibubapa kandung anak tersebut. Namun kini, pelaku penderaan kanak-kanak ialah pengasuh ataupun guru di Taska. Malangnya daripada zaman dahulu sampai sekarang masalah penderaan kanak-kanak tidak nampak jalan penyelesaian, walaupun pelbagai program-program di peringkat mikro, mezzo dan makro telah dijalankan sejak tahun 1990-an sehingga kini. Masalah penderaan ini perlu dikaji secara lebih mendalam kerana kes mengenai penderaan memberi kesan yang kritikal kepada pertumbuhan kanak-kanak. Bukan itu sahaja, isu penderaan kanak-kanak di taska penting untuk dikaji supaya masyarakat setempat mempunyai kesedaran dalam menangani isu tersebut.

3. Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji penderaan kanak-kanak di Taska melalui cabaran yang dihadapi oleh pekerja sosial dalam mengendalikan kes penderaan kanak-kanak di Taska.

4. Metodologi

Pendekatan kajian ini berbentuk kualitatif iaitu berpandukan kajian fenomenologi yang menghuraikan pengalaman manusia melalui dengan objek dan peristiwa yang berada dalam diri mereka dan tidak dapat dilihat dalam gejala yang kita dapat menangkap dengan deria. Kajian ini dijalankan di Selangor iaitu di Taska di Seksyen 15, Bangi. Pekerja Sosial, Pegawai Pembangunan Masyarakat dan Pengusaha Taska terlibat dalam kajian ini. Pemilihan lokasi tersebut disebabkan pernah berlaku penderaan kanak-kanak oleh pengasuh di Taska tersebut. Pengkaji menemubual informan untuk mendapatkan maklumat tentang profil dan cabaran pekerja sosial dalam mengendalikan kes penderaan kanak-kanak di Taska. Manakala teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan secara bertujuan (*purposive sampling*) iaitu sudah ditetapkan matlamat pemilihan responden tersebut yang melibatkan justifikasi tertentu dalam memilih responden kajian. Persampelan kajian terdiri daripada tiga kumpulan responden yang telah dipilih. Seramai 12 orang responden iaitu 1 orang pekerja sosial, 5 orang pegawai pembangunan masyarakat, 3 orang pengusaha Taska dan 3 orang pengasuh Taska telah dipilih oleh pengkaji untuk ditemu bual secara lebih mendalam dan tidak berstruktur.

Data telah dianalisis secara tematik dan hasil temubual bertulis informan membantu pengkaji meneroka isu atau masalah yang dihadapi oleh mereka ketika pekerja sosial menghadapi cabaran dalam mengendalikan kes penderaan kanak-kanak di Taska. Matlamat analisis tematik pula adalah untuk mengenal pasti tema, iaitu corak dalam data yang penting atau bermakna, dan menggunakan tema tersebut sebagai suatu yang mampu menjelaskan isu yang ingin dikaji. Lazimnya kebanyakan tema adalah deskriptif dan menggambarkan corak data yang relevan dengan persoalan kajian.

5. Dapatan dan Perbincangan

5.1. Latarbelakang Responden

Latarbelakang demografi responden diterangkan mengikut jantina, umur, bangsa/agama, status perkahwinan, taraf pendidikan dan pekerjaan. Jadual 1 menunjukkan bahawa dari segi jantina, menunjukkan perbezaan ketara dalam kajian ini di mana terdapat satu responden adalah lelaki iaitu responden P1 dan responden yang lain iaitu responden P2 hingga P12 adalah perempuan. Dari segi bangsa pula, bangsa India merupakan seorang responden sahaja iaitu P2 dan selainnya adalah berbangsa Melayu. Dari segi anutan agama, responden beragama Islam ialah seramai 11 orang dan hanya seorang responden sahaja beragama Hindu. Dari segi tahap pendidikan, terdapat lima orang responden berpendidikan tinggi, Ijazah Sarjana Muda iaitu responden P1, P2, P4, P5 dan P6. Seorang responden berpendidikan tahap diploma iaitu responden P3.

JADUAL 1. Latarbelakang Demografi Pekerja Sosial

Informan	Jantina a L/P	Umur	Bangsa/Agama	Status Perkahwinan	Taraf Pendidikan	Pekerjaan
P1	L	55	Melayu/Islam	Berkahwin	Ijazah Sarjana Muda	Pekerja Sosial
P2	P	38	India/Hindu	Berkahwin	Ijazah Sarjana Muda	Pegawai Pembangunan Masyarakat
P3	P	34	Melayu/Islam	Berkahwin	Diploma	Pegawai Kebajikan Masyarakat
P4	P	41	Melayu/Islam	Berkahwin	Ijazah Sarjana Muda	Pegawai Kebajikan Masyarakat
P5	P	38	Melayu/Islam	Berkahwin	Ijazah Sarjana Muda	Pegawai Pembangunan Masyarakat
P6	P	39	Melayu/Islam	Berkahwin	Ijazah Sarjana Muda	Pegawai Pembangunan masyarakat

5.2 Cabaran Menangani Isu Penderaan

Analisis tema kajian seterusnya bagi cabaran menangani isu penderaan pula, praktis kerja sosial, konflik profesion dan kemahiran dalam melakukan sesuatu perkara. Semua individu harus berani menghadapi cabaran yang dilalui dalam kehidupan. Kekuatan diri dapat ditonjolkan jika seseorang itu dapat mengenalpasti cabaran dan jalan penyelesaian bagi cabaran tersebut.

5.2.1 Praktis Kerja Sosial

Berdasarkan analisis tema kajian kualitatif dibentuk, responden P1 dan P7 menyokong dan memberi penjelasan bagi tema ini. Antara kenyataan yang dipetik dalam tema ini:

“Pekerja sosial perlu buat praktis sebelum menjalankan sesuatu kes...saya selalu bahagikan tugas seperti masa untuk melawat klien...penempatan yang sesuai untuk klien...semasa membuat

assessment (home visit) perlu mengatasi halangan...saya sentiasa merangka satu case plan untuk klien..."

(Responden P1, Pekerja Sosial, Lelaki, Melayu)

Menurut responden P1, beliau peka dengan tugas yang diberikan oleh pihak atasan. Pengkaji juga sedar bahawa bukan mudah untuk berkomunikasi dengan klien yang mempunyai masalah. Kita harus mempraktikkan sesuatu sebelum melakukan dengan penuh semangat. Selain daripada itu, responden P7 juga mengemukakan kenyataan seperti di bawah:

"Pengasuh di Taska saya memang susah mengamalkan tugas yang diberi...mereka biasa dengan amalan yang dipraktikkan...jika saya beri kerja baru...mereka mengambil banyak masa untuk mempelajari...ada juga pengasuh yang tak tahu jaga bayi yang berada dalam Taska..."

(Responden P7, Pengusaha, Perempuan, Melayu)

Kata-kata responden berkenaan menunjukkan beliau bimbang dengan sikap pengasuh yang tidak mempunyai minat yang mendalam. Di sebalik kata-katanya menunjukkan bahawa pekerja di bawah responden cuba membuat pekerjaan yang mudah sahaja tanpa mengetahui tugasannya sehingga mendalam. Perbuatan seperti ini akan menjejaskan perkembangan kanak-kanak.

5.2.2 Konflik Profesion

Tema seterusnya ini merujuk kepada responden P2, P4 dan P8 yang ditemubual dalam kajian ini. Konflik profesion sering berlaku di semua tempat kerja tanpa mengira pangkat yang dimiliki. Perkara ini sekaligus menyebabkan berlakunya perselisihan faham antara satu sama lain. Ini kerana, seseorang itu akan jadi tertekan jika ingin melakukan sesuatu kerja dengan sempurna. Hal ini dapat membuktikan bahawa mesti akan berlaku konflik profesion jika seseorang itu tidak bekerjasama dan berkongsi tugas yang diberi.

"Saya juga kadang kala akan keliru dengan profesion...sebab sering kali sukar untuk mengelak masalah...nilai personal akan jadi lebih dari nilai professional...saya sentiasa tabah menghadapi cabaran...dalam profesion sebagai pegawai saya harus bertanding dengan colleague yang lain..."

(Responden P2, Pegawai, Pembangunan, Perempuan, India)

Berdasarkan temubual responden P2 bersama pengkaji menunjukkan bahawa responden berasa keliru dengan kerja yang dilakukan olehnya. Walaupun beliau sering berusaha untuk yang terbaik, tetap akan ada kekurangan dalam kerjanya. Kadang kala, responden pernah dipandang rendah oleh rakan sekerjanya. Namun, beliau tidak pernah berputus asa dan sentiasa melakukan profesion dengan jujur dan ikhlas.

"Saya rasa polis juga boleh bantu jika menerima aduan...bukan kerja pelindung sahaja untuk menjaga magsa yang terbabit...saya pernah perasan perkara ini dalam kebanyakan jadian... pihak berkepentingan sentiasa tidak melakukan tugas dengan cara yang sepatutnya...saya lihat perkara ini dari segi peruntukkan undang-undang yang dibekalkan..."

(Responden P4, Pegawai Kebajikan, Perempuan, Melayu)

“Saya sebagai pegasuh susah nak dapat kerjasama dari pekerja lain...tidak ada tanggungjawab untuk membahagikan kerja yang diberi...saya juga pernah gaduh dengan rakan sekerja...mereka akan mengambil alih tugas yang mudah sahaja...”

(Responden P8, Pegasuh, Perempuan, Melayu)

Berdasarkan kata-kata responden P4 dan P8, menunjukkan bahawa mereka juga pernah mengalami konflik profesion dalam isu pekerjaan. Responden P4 mengatakan pihak polis juga boleh mengendalikan beberapa kes yang sepatutnya. Tetapi, mereka selalu menyerahkan kes sebegitu kepada responden P4 untuk menyelesaikan. Responden P8 pula, mengatakan rakan sekerjanya tidak adil semasa tugas dibahagikan kepada mereka.

5.2.3 Kemahiran Menangani Penderaan

Hasil kajian mendapati bahawa tema cabaran menangani penderaan memberi keutamaan dan kepentingan terhadap kemahiran. Setiap individu perlu meningkatkan kemahiran dalam bidang yang tertentu untuk mengubah cara pekerjaan. Melalui perbuatan ini, dapat melahirkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Jika seseorang itu tidak mempunyai kemahiran, maka mereka tidak dapat memberi hasil kerja yang dikehendaki. Kemahiran itu mudah dipelajari jika seseorang mempunyai minat yang mendalam. Berikut merupakan pernyataan daripada responden kajian yang telah dikenalpasti melalui temu bual yang dijalankan:

“Saya selalu meningkatkan kemahiran kerja saya...bukan mudah untuk deal dengan klien yang bermasalah ni...saya sebagai pegawai perlu menguruskan pelbagai kes yang diberi...kemahiran tu penting untuk menjalankan tugas...saya juga mewujudkan hubungan yang baik dengan agensi yang lain...”

(Responden P5, Pegawai Kebajikan, Perempuan, Melayu)


“Saya masih cuba pelajari cara menyantuni kanak-kanak...ada juga kanakkanak yang hiperaktif...saya perlu handle mereka dengan cara yang sepatutnya...kanak-kanak sering jadi bosan...masa tu saya fikir aktiviti apa yang boleh menjadikan mereka gembira...sekarang ini pun saya plan nak pergi kursus...”

(Responden P8, Pegasuh, Perempuan, Melayu)

Berdasarkan kata-kata responden P5 dan P8 tersebut jelas membuktikan bahawa dirinya mengharapkan perubahan dalam kemahiran yang dimiliki.

Responden P5 menjelaskan bukan senang untuk melayan klien yang mempunyai masalah. Untuk melahirkan rasa kepercayaan dari klien, pegawai berkenaan perlu meningkatkan kemahiran dalam bidang yang diambil. Begitu juga dengan kenyataan responden P8, beliau mengalami kesukaran untuk menjaga kanak-kanak yang terlalu hiperaktif di Taska. Responden tersebut mengatakan perlu menghadirkan diri ke kursus untuk menjadi mahir dalam penjagaan kanak-kanak.

Secara ringkasnya, tema-tema utama yang terbina melalui dapatan hasil kajian dengan menggunakan kaedah analisis bertema dapat ditunjukkan seperti rajah di bawah.



RAJAH 1. Tema Utama bagi Pengusaha Taska

Berdasarkan Rajah 1, pengusaha memberi pandangan secara terbuka mengenai objektif yang terdapat dalam kajian ini. Bagi faktor tekanan kerja, pengusaha Taska dapat mengenal pasti bahawa pengasuh menjadi stress jika mempunyai kerja yang berlebihan sehingga tidak dapat mengawal kanak-kanak di bawah penjagaan mereka. Pengusaha Taska setuju bahawa kemahiran yang kurang merupakan cabaran untuk menjaga kanak-kanak. Ada juga pengasuh yang tidak tahu cara menjaga kanak-kanak dari segi menyediakan makanan dan mengajar. Seminar mengenai penjagaan kanak-kanak dan penalti kepada pelaku merupakan cadangan yang disetujui oleh pengusaha Taska. Seminar mengenai kursus penjagaan kanak-kanak penting untuk mengajar pengasuh cara-cara tertentu untuk menjaga kanak-kanak di Taska. Jika seseorang mendera kanak-kanak atas sebab-sebab yang tidak tentu, maka mereka perlu dikenakan penalty supaya tidak melibatkan diri dalam penderaan kanak-kanak. Pengusaha Taska juga memastikan imej Taska tidak terjejas disebabkan oleh pengasuh yang tidak terlatih dalam penjagaan kanak-kanak.

6. Rumusan dan Cadangan

Cabaran pekerja sosial menemui maklumat untuk menangani isu penderaan kanak-kanak di Taska berdasarkan keperluan objektif yang ingin dicapai. Cabaran yang telah dikemukakan oleh pekerja sosial dalam mengendalikan kes penderaan kanak-kanak ialah praktis kerja sosial, konflik profesion dan kemahiran. Pekerja sosial yang telah menjadi responden dalam kajian ini mengatakan bahawa bukan mudah untuk melalukan proses intervensi terhadap kanak-kanak. Responden memastikan keselamatan dan mengatasi risiko yang bakal dihadapi. Salah satu kajian yang berkualiti adalah kajian yang berjaya menjawab persoalan kajian dengan baik (Bryman, 2016).

Kajian ini mencadangkan aspek praktis kerja sosial diintegrasikan ke dalam dokumen kualiti ISO secara terperinci. Langkah menyeimbangkan tuntutan keperluan klien dan organisasi hendaklah dikendalikan dengan bijak. Kajian lepas mendapati sekiranya fokus berlebihan diberikan kepada tuntutan pentadbiran dan pengurusan, maka yang menjadi mangsa ialah klien. Dalam kajian ini, didapati pengurusan kes kanak-kanak bersandarkan sistem pengurusan kualiti MS ISO 9000 telah lama wujud dan dilaksanakan oleh agensi. Situasi ini menunjukkan bahawa

agensi dan pekerja kes kanak-kanak menumpukan kepada perspektif managerialist berbanding hubungan terapeutik dengan klien. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati aspek hubungan terapeutik dan engagement dengan kanak-kanak juga diberikan perhatian serius oleh pekerja kes kanak-kanak. Nilai profesionalisme dan praktis beretika juga menjadi pegangan dalam pengurusan kes kanak-kanak

Penghargaan

Kajian ini telah dibiayai sepenuhnya oleh pelajar prasiswazah Program Kerja Sosial, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Yuran seminar PERSADA dibiayai oleh Dana KRA 2017:002. Ucapan penghargaan ditujukan kepada semua yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini.

Rujukan

- Alavi, K. Aizan Sofia Amin, Subhi, N, Mohamad, M. S. & Sarnon, N. (2012). Kerja sosial di sekolah: memahami dan menangani penderaan kanak-kanak. *Jurnal e-bangi*, jilid 7, bilangan 1, Ms 17-37.
- Anon. (2017). 4,652 kes penderaan melibatkan kanak-kanak dlm. utusan malaysia. 17 Mac, 2017, <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/4-652-kespenderaanlibatkan-kanak-kanak-1.458091#navallsections>
- Jal Zabdi Mohd Yusuff, Siti Hajar Abu Bakar Ah & Weatherley, R. (2008). International trends in child abuse prevention and risk assessment: Implications for Malaysia. *Malaysian Journal of Social Administration*, 5, 2150. J.R Spencer, "Children's evidence: The barker case and the cased for pigot" dlm. *archbold review* 3, 5-8, 2010.
- Kasmini Kassim. (1998). *Penderaan emosi kanak-kanak: trauma terselindung*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khadijah Alavi & Mohamed Fadzil Che Din. (2007). *Penderaan kanak-kanak : Cabaran, cegahan dan membantu*, Kuala Lumpur: Penerbit Institut Sosial Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat.
- Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) & Akta Kanak-Kanak 2001 Kurikulum Permata. (2008). *Panduan pendidikan awal kanak-kanak 0-4 tahun*, perak: Pusat penyelidikan perkembangan kanak-kanak negara, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noor Zulaikha & Ridzuan Hussin. (2006). *Penilaian terhadap penderaan kanak kanak di malaysia: Satu kajian kes di enam buah negeri*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noremy Md. Akhir, Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, M. Suhaimi Mohamad & Nazirah Hassan. (2012). Hubungan faktor dalaman penderaan fizikal terhadap kanak-kanak oleh ibubapa dlm *Jurnal e-Bangi*, vol. 7, no. 1, ms 1-14.